

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Dalam Meningkatkan Kemahiran Mahasiswa Menerusi Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu

Experiential Learning In Enhancing Student Skills Through The Malay Manuscript Preservation Project

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

ABSTRAK

Penulisan ini membincangkan tentang Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu sebagai platform untuk melaksanakan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBP) yang bertujuan meningkatkan kemahiran dalam kalangan mahasiswa. Hal ini penting kerana graduan bidang kemanusiaan sering kali menghadapi kekurangan kemahiran praktikal yang relevan untuk mempersiapkan diri dalam dunia pekerjaan. Justeru, projek pemuliharaan manuskrip Melayu diketengahkan sebagai pendekatan inovatif bagi menghubungkan kemahiran yang dipelajari di universiti dengan keperluan dunia pekerjaan. Projek ini dilaksanakan dengan berpandukan model pembelajaran pengalaman Kolb (1984) yang termasuk dalam kerangka teori pembelajaran konstruktivisme bagi menggalakkan pengetahuan dan praktikal mahasiswa. Fokus utama kajian adalah menganalisis projek pemuliharaan manuskrip Melayu yang dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman untuk meningkatkan kemahiran mahasiswa dalam mengembangkan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif. Hasil kajian ini dapat menyediakan panduan dan sumber rujukan untuk mengintegrasikan PBP dalam kurikulum dan menyediakan mahasiswa dengan pengalaman praktikal dalam pemuliharaan manuskrip Melayu serta mempersiapkan mahasiswa menghadapi cabaran kerjaya seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan dan memenuhi keperluan tenaga kerja yang semakin kompetitif. Keunikan kajian ini terletak kepada pengaplikasian model pembelajaran pengalaman dalam bidang pemuliharaan manuskrip Melayu iaitu bidang yang kurang dikaji sebelum ini dan seterusnya menyumbang kepada kepelbagaian amalan dalam pembelajaran mahasiswa.

Kata kunci: Pembelajaran Berasaskan Pengalaman; Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu; Kemahiran Praktikal; Model Kolb; Kemanusiaan

ABSTRACT

This study discusses the Malay Manuscript Preservation Project as a platform for implementing experiential learning (EL), aimed at enhancing skills among university students. This project is highlighted as an innovative approach to bridge the gap between skills learned in universities and the demands of the professional world. This is particularly relevant as humanities graduates often encounter a deficit of practical skills necessary for career readiness. This project is implemented based on Kolb's (1984) experiential learning model, which is within the framework of constructivist learning theory to promote knowledge and practical skills among students. The focus of this study is to analyze the Malay Manuscript Preservation Project implemented through experiential learning to enhance student skills and its potential to develop cognitive, psychomotor, and affective abilities. This study's findings can provide guidance and reference resources for integrating PBP into the curriculum, offering students practical experience in Malay manuscript conservation, and preparing students to face future career challenges. Additionally, it aims to enhance the quality of education and meet the growing demand for a highly competitive workforce. The uniqueness of this study lies in the application of the experiential learning model in the field of Malay manuscript conservation, which has been less explored previously and subsequently contributes to the diversity of practices in student learning.

Keywords: Experiential Learning; Malay Manuscript Preservation Project; Practical Skills; Kolb's Cycle; Humanities

PENGENALAN

Isu kualiti graduan dalam bidang kemanusiaan sering kali hebat diperkatakan oleh para majikan

apabila graduan tidak dapat mengadaptasikan hasil pembelajaran yang diperolehi semasa berada di universiti ke alam pekerjaan sebenar dan dalam kehidupan bermasyarakat. Hussain Othman et al.

(2018) dan Md Fauzi Ahmad dan Abdul Talib Bon (2024) menyatakan bahawa isu ini adalah disebabkan oleh ketidakmampuan graduan menunjukkan kebolehan yang diperlukan oleh sektor pekerjaan selain pembelajaran yang menekankan kebolehan daya ingatan melebihi daya berfikir serta berpusatkan kepada pensyarah dan sikap kebergantungan graduan kepada pencapaian akademik semata-mata untuk menceburi alam pekerjaan. Seiring dengan perkembangan pesat dunia perniagaan dan teknologi, industri kini mengharapkan graduan memiliki kombinasi kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang dapat memberikan impak positif kepada pertumbuhan pasaran kerja. Nur Sheilla Saida Abdullah dan Zuber Abd Majid (2022) pula menyatakan bahawa terdapat sebilangan siswazah lepasan universiti tidak memperoleh pekerjaan yang sesuai kerana kurang menjiwai modal insan semasa berada dalam pengajian. Alwi et al. (2020) serta Zuber dan Hussin Muhammad (2015) juga berpendapat bahawa isu kebolehpasaran modal insan sering menjadi faktor utama yang menyukarkan graduan mendapat pekerjaan. Justeru, kebolehpasaran yang merangkumi gabungan kemahiran kognitif, psikomotor dan afektif adalah aset penting yang perlu dikuasai graduan bagi menyesuaikan diri dan berjaya di alam pekerjaan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 mencatatkan bahawa pembentukan sendiri para pelajar dapat dicapai melalui kaedah pembelajaran secara aktif dan bukan dalam pembelajaran yang pasif. Pembelajaran aktif boleh menggalakkan kerjasama antara pelajar kerana terlibat dalam penyelesaian masalah, komunikasi dan kerja berpasukan (Wetzel & Farrow 2021). Salah satu pembelajaran aktif yang dimaksudkan ialah Pembelajaran Berasaskan Pengalaman. Hal ini juga turut disarankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014) bahawa Pembelajaran Berasaskan Pembelajaran (PBP) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat meningkatkan kualiti pendidikan kebangsaan. PBP bukanlah suatu pendekatan PdP yang asing dalam dunia pendidikan. Dewey (1938) menegaskan bahawa PBP adalah suatu cara pembelajaran berdasarkan "Learning by doing". Hoover (1974) pula menyatakan bahawa PBP ialah proses pembelajaran yang merefleksikan pengalaman sehingga memperoleh pemahaman yang baharu. Elfis Suanto, Effandi Zakaria dan Siti Mistima Maat (2019) berpendapat bahawa PBP ialah proses pembelajaran secara induktif yang

berpusatkan kepada pelajar dan berorientasi kepada aktiviti yang melibatkan refleksi tentang suatu pengalaman dan menerapkannya ke dalam konteks pembelajaran yang lain. Hal ini dapat dinyatakan bahawa kesemua terminologi yang ditekankan dalam PBP dapat meningkatkan kualiti kognitif, psikomotor dan juga afektif.


Manfaat PBP terserlah apabila mahasiswa dapat mengadaptasikan pengalaman yang diperoleh ke alam pembelajaran sebenar. Justeru itu, PBP sangat diperlukan oleh mahasiswa agar dapat mengalami sendiri pembelajaran yang disampaikan selain sebagai persediaan sebelum menempuh alam pekerjaan. Menurut Almulla (2020), PBP akan memudahkan mahasiswa lebih memahami kandungan pembelajaran kerana penglibatan secara terus dengan aktiviti yang telah dirancang. Selain itu, Nor Khayati et al. (2017) pula menyatakan bahawa PBP dapat membina kefahaman sendiri mahasiswa yang menimbulkan kesukaan kepada pembelajaran dan juga menerusi PBP dan mahasiswa akan dapat mengenal pasti kelemahan, kekuatan diri, minat dan memperbaiki atau meningkatkannya melalui fasa penilaian diri (Agudelo dan Vasco 2019). Dengan kata lain, PBP sangat sesuai untuk diadaptasi oleh mahasiswa bagi mencungkil kebolehan dan memperbaiki diri dalam sesuatu subjek yang diambil di universiti.

MODEL KOLB

Model Pembelajaran Kolb sebagai kerangka kerja pembelajaran pengalaman telah mendapat pengiktirafan luas dalam pelbagai bidang pengajian, terutamanya yang melibatkan latihan amali. Model ini dapat digambarkan sebagai satu kitaran berterusan yang menekankan bahawa pembelajaran berkesan terhasil daripada interaksi antara empat tahap yang berbeza (Kolb 1984). Pada paksi menegak, Kolb menjelaskan dimensi pertama dalam proses menerima maklumat, iaitu sama ada melalui pengalaman konkrit (merasa) atau konseptual abstrak (berfikir). Pengalaman konkrit melibatkan pemerolehan maklumat melalui penglibatan langsung dan praktikal yang membolehkan mahasiswa belajar dengan melakukan dan mengalaminya secara langsung. Sebaliknya, konseptual abstrak melibatkan pemahaman konsep dan prinsip melalui pemikiran analitikal dan teoritikal.

Dimensi kedua pula merujuk kepada cara maklumat diproses sama ada melalui pemerhatian reflektif (memerhati) atau eksperimentasi aktif (melakukan). Proses pemerhatian reflektif ini tertumpu kepada tindakan pelajar memproses maklumat dengan merenung dan menganalisis pengalaman yang telah dilalui. Sementara itu, dalam eksperimentasi aktif, pelajar mengaplikasikan maklumat yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah atau menguji hipotesis secara praktikal. Proses pembelajaran yang efektif melibatkan keseimbangan dan integrasi antara cara yang bertentangan dalam menerima dan memproses maklumat. Hal ini bermakna, pelajar perlu berinteraksi dengan pengalaman konkrit, merenungkan pengalaman tersebut secara reflektif, membentuk konsep abstrak berdasarkan refleksi, dan seterusnya menguji konsep tersebut melalui eksperimentasi aktif.

Kolb (1984) turut menekankan bahawa cara individu melihat dan memproses maklumat dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk jenis personaliti, latar belakang pendidikan, dan kerjaya yang diceburi. Oleh itu, pendekatan pembelajaran perlu disesuaikan dengan keperluan dan gaya pembelajaran individu agar proses pembelajaran dapat dioptimumkan. Tambahan pula, konteks sosial dan budaya juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi cara individu belajar. Sebagai contoh dalam konteks Malaysia, nilai-nilai budaya seperti hormat-menghormati dan kerjasama dapat mempengaruhi cara pelajar berinteraksi dalam kumpulan dan mendekati pembelajaran berasaskan pengalaman. Justeru, Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) perlu mempertimbangkan faktor-faktor ini dalam merancang dan melaksanakan program pembelajaran yang berkesan.



RAJAH 1. Pembelajaran Dua-Dimensi Kolb dan Empat Gaya Pembelajaran
Sumber: Kolb (1984)

Berdasarkan kajian lepas berkaitan aplikasi Model Pembelajaran Pengalaman oleh Kolb, terdapat sarjana yang mengakui kesesuaian dan keberkesanan model ini dalam pengaplikasiannya terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman. Antaranya, Wifqi Rahmi (2024) yang menekankan kepentingan penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran untuk memperdalam pemahaman dan aplikasi pengetahuan. Kajian beliau menunjukkan bahawa aktiviti pembelajaran berasaskan model ini secara signifikan meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif dan cenderung mencapai hasil

pembelajaran yang optimum melalui penerapan konsep secara praktikal. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa model ini membantu pelajar mengembangkan kemahiran kritikal dan kreatif yang merupakan kemahiran penting untuk menghadapi cabaran pada masa depan. Proses pembelajaran pengalaman ini turut memperkayakan pemikiran kritis dan meningkatkan daya kreativiti pelajar dalam menyelesaikan masalah di samping memupuk kerja kolaboratif dalam kalangan pelajar dengan berkongsi pengalaman dan pandangan melalui aktiviti berkumpul. Secara keseluruhannya,

kajian ini menekankan bahawa model pembelajaran pengalaman oleh Kolb adalah satu pendekatan yang efektif dalam meningkatkan penglibatan dan kemahiran pelajar di pelbagai peringkat pendidikan.

Kumar dan Bhandarker (2019) juga menggunakan Model Kolb dalam pendidikan pengurusan dan mendapati bahawa model ini berpotensi meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran melalui pendekatan yang holistik dan lintas disiplin. Kajian menunjukkan bahawa model ini membantu membangunkan pengalaman yang lebih berkesan dan fleksibel dan dapat membantu pelajar memahami konsep pengurusan secara mendalam. Selain itu, aplikasi model ini juga memberi kesan positif terhadap pembangunan kemahiran pengurusan yang bersifat universal dan kemampuan pelajar menyesuaikan diri dalam pelbagai bidang, seperti pembinaan, operasi, dan pelaksanaan strategi. Tuntasnya, penggunaan model ini dapat memperkukuh keberkesanan pendidikan pengurusan dengan mengintegrasikan pengalaman secara strategik dan menyeluruh, sejajar dengan objektif pembangunan kompetensi yang lebih luas dan berkesan.

Johnson et al. (2020) menyatakan bahawa Inventori Gaya Pembelajaran Kolb (KLSI) dan Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (ELT) Kolb digunakan secara meluas dan sangat popular dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Hal ini kerana Model Kolb memberi impak yang ketara dalam bidang kajian, menyediakan rangka kerja untuk memahami gaya pembelajaran dan memacu reka bentuk pengalaman pembelajaran. Penulisan ini turut menekankan beberapa manfaat lain Model Kolb, termasuk keupayaannya untuk mereka bentuk pengajaran yang lebih berkesan dengan membolehkan pensyarah menyesuaikan bahan dan pendekatan pengajaran agar selaras dengan gaya pembelajaran individu mahasiswa. Selain itu, model ini juga menunjukkan potensi untuk meningkatkan pencapaian kognitif mahasiswa melalui penggunaan teknik pembelajaran transformasi kitaran yang dianjurkan. Melalui pemahaman dan penerapan prinsip-prinsip Model Kolb, pendidik dan pengajar dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih responsif dan dapat mengoptimumkan hasil pembelajaran dengan berkesan.

Sehubungan dengan itu, Model Kolb dipilih sebagai kerangka kerja yang paling sesuai untuk

Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu (selepas ini dinyatakan PeMaYu) kerana keselarasan model ini dengan objektif projek yang menekankan pembelajaran holistik merangkumi pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptualisasi abstrak, dan eksperimen aktif. Pendekatan ini amat sesuai dengan sifat multidimensi pemuliharaan manuskrip Melayu yang memerlukan bukan sahaja kemahiran teknikal tetapi juga pemikiran kritis, kreatif, dan pemahaman tentang konteks sejarah serta budaya dalam manuskrip. Tambahan pula, projek PeMaYu dirancang sebagai Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) yang mengutamakan keterlibatan langsung dengan warisan bangsa berbanding pembelajaran pasif seperti berada di bilik kuliah. Model Kolb menyokong pendekatan ini secara langsung dengan menyediakan kerangka kerja berstruktur untuk membimbing pengalaman pembelajaran serta proses refleksi yang membantu pelajar menyerap dan mensintesis pengetahuan.

Fleksibiliti Model Kolb membolehkan penyesuaian mengikut keperluan dan konteks tertentu manakala projek PeMaYu melibatkan kerja fizikal dengan bahan warisan yang sensitif dan unik. Model ini membolehkan pelajar untuk belajar secara berdikari dan menyesuaikan pendekatan mengikut keupayaan masing-masing di samping menekankan penerapan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam kerjaya dan bersifat realistik. Justeru, Model Kolb menyediakan kerangka kerja untuk membantu pelajar memindahkan pembelajaran dari bilik kuliah ke lapangan sekali gus membina keyakinan dan kompetensi mahasiswa seiring dengan matlamat PeMaYu untuk menyediakan pengalaman pembelajaran transformatif yang membina kemahiran, pengetahuan, dan sikap yang diperlukan untuk berjaya sebagai pemimpin dan pencipta gagasan baru dalam bidang pemuliharaan.

PERBINCANGAN

Fokus penulisan ini adalah untuk menganalisis projek pemuliharaan manuskrip Melayu yang dilaksanakan melalui pembelajaran berasaskan pengalaman bagi meningkatkan kemahiran mahasiswa dengan menggunakan Model Pembelajaran Kolb. Oleh itu, perkara yang akan dibincangkan pada bahagian ini adalah berkaitan PeMaYu sebagai kemahiran inisiatif mahasiswa dan kaedah pelaksanaannya.

PROJEK PEMULIHARAAN MANUSKRIP MELAYU SEBAGAI KEMAHIRAN INISIATIF MAHASISWA

Penulisan ini akan membincangkan satu projek yang dikenali sebagai Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu (PeMaYu) sebagai satu pembelajaran berasaskan pengalaman kepada para mahasiswa. PeMaYu akan membantu mahasiswa meneroka, melibatkan diri secara aktif dan mengaplikasikan pengetahuan berasaskan pengalaman berkaitan pemuliharaan manuskrip Melayu yang diperoleh. Kepentingan penyelidikan ini ialah segala bentuk pengalaman yang diperoleh oleh mahasiswa akan dipindahkan ke dalam bentuk pengetahuan, interaksi dan tindak balas terhadap persekitaran pembelajaran selain menjadi nilai tambah bagi memantapkan domain kognitif, psikomotor dan juga afektif para mahasiswa.

Manuskrip Melayu sebagai bahan utama yang dapat memberi gambaran secara menyeluruh tentang perjalanan projek PeMaYu ditakrifkan

sebagai segala bentuk tulisan tangan yang menggunakan skrip Jawi dalam bahasa rumpun Melayu, yang membincangkan alam dan tamadun Melayu, serta berusia sekurang-kurangnya 100 tahun (Perpustakaan Negara Malaysia 2014).

Selaras dengan itu, Jimerson (2002) menyatakan bahawa manuskrip adalah tidak seperti buku, jurnal dan lain-lain bahan di perpustakaan mahupun di arkib. Manuskrip itu biasanya wujud dalam satu salinan sahaja dan jarang sekali sesuatu manuskrip mempunyai lebih daripada satu salinan. Hal ini menggambarkan bahawa manuskrip mempunyai sifat yang unik dan memerlukan sedikit perbezaan dalam usaha memelihara dan memulihara sifat fizikal bahan tersebut. Kepentingan pemuliharaan manuskrip adalah untuk mencegah bahan daripada mengalami kerosakan dan mengekalkan keaslian bahan. Dengan adanya pemuliharaan manuskrip secara fizikal dan digital, manuskrip asal dalam bentuk fizikal dapat terus dipelihara dengan baik dan selamat untuk jangka masa yang panjang.



GAMBAR 1. Contoh Manuskrip Melayu dalam Paparan Media Sosial
Sumber: Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (2024)

Projek PeMaYu dapat membantu mahasiswa dalam bidang kemanusiaan untuk menyerlahkan peluang bagi meningkatkan kemahiran yang diperoleh semasa berada dalam kuliah dan juga di lapangan. Menurut Hussain Othman et al. (2018) kebanyakan pendekatan pembelajaran bidang pengajian kemanusiaan yang digunakan tidak berpusatkan kepada pelajar dan tidak dapat mengasah kemahiran insaniah mahasiswa secara lebih baik kerana aspek pengalaman sebenar serta

praktikal tidak ditekankan. Oleh itu, PBP sangat sesuai untuk membina kefahaman mengenai perkara yang abstrak yang tidak pernah dialami kepada pengalaman yang lebih konkrit berasaskan bahan mawjud yang dilihat (Masriyah Misni et al. 2022).

Projek PeMaYu akan melibatkan mahasiswa dalam beberapa kaedah pemuliharaan seperti pemuliharaan kertas dan juga penjilidan manuskrip Melayu yang terdiri daripada bahan nadir, bahan

bercetak ataupun koleksi peribadi, termasuklah penggunaan bahan yang digunakan dalam proses pemuliharaan manuskrip untuk mendapatkan pemahaman, pelaksanaan dan tindak balas mahasiswa yang terlibat bagi pemuliharaan manuskrip Melayu yang tersimpan di institusi seperti Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, Muzium Negara dan Arkib Negara. Hal ini juga ada kaitannya dengan pernyataan Tun Mohammed Haniff Omar (2018) yang menggesa agar pemuliharaan manuskrip Melayu sebagai warisan negara perlu diberi perhatian dan menyedarkan masyarakat agar terlibat dalam bidang ini bagi mengelakkan warisan negara ini musnah begitu sahaja. Selain itu, Mashitah Sulaiman et al. (2021) juga menyatakan bahawa usaha pemuliharaan ini perlu diberi haknya kepada bangsa yang berada di tanah sendiri terutamanya

generasi muda. Sementara itu, Natasha Edreena Mohamad Nasruddin dan Zuliskandar Ramli (2020) pula menyatakan bahawa usaha pemuliharaan ini penting bagi mengekalkan warisan sedia ada agar dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Pelaksanaan PeMaYu adalah berdasarkan Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) oleh Kolb (1984) atau Model Kolb yang merangkumi pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak dan eksperimen aktif. Pelaksanaan ini melibatkan pembentukan kumpulan, pembahagian tajuk bertema, pemerhatian dan temu bual dengan pihak industri manakala aktiviti, tugas dan penilaian adalah berdasarkan kepada penghasilan inovasi PBP seperti video rakaman, e-portfolio, laporan dan pameran poster serta demonstrasi. Penilaian refleksi terhadap PeMaYu juga akan dilakukan dengan penyediaan soal selidik terhadap mahasiswa pada akhir projek.

JADUAL 1. Pelaksanaan PeMaYu

Aspek	Perincian
Pendekatan Utama	Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) oleh Kolb (1984)
Model Pelaksanaan	Model Kolb yang melibatkan: - Pengalaman konkrit - Pemerhatian reflektif - Konseptual abstrak - Eksperimen aktif
Kaedah Pelaksanaan	- Pembentukan kumpulan pelajar - Pembahagian tajuk bertema dalam kalangan kumpulan - Pemerhatian dan temu bual dengan pihak industri - Penghasilan inovasi PBP: - Video rakaman - E-portfolio - Laporan - Pameran poster dan demonstrasi
Penilaian	- Penilaian terhadap inovasi dan pelaksanaan PeMaYu - Penilaian Refleksi: soal selidik terhadap mahasiswa pada akhir projek

Projek PeMaYu ini merupakan pencetus PBP kepada mahasiswa yang ingin mendalami bidang pemuliharaan Manuskrip Melayu. Hal ini kerana daripada projek PeMaYu ini juga dikenal pasti dapat memberi peluang dan ruang prospek kerjaya kepada mahasiswa sekiranya terus mendalami bidang ini. Menurut Sabariah dan Imilia (2013), kekurangan tenaga profesional yang mahir dan berpengalaman menjadi salah satu kekangan dalam usaha pemuliharaan Manuskrip Melayu sedangkan terdapat ruang kerjaya yang disediakan kepada individu yang mempunyai pengalaman dan menambahkan ilmu dalam bidang ini. Misalnya, Pegawai dan Pembantu Pemuliharaan Gred S19

dan juga sebagai kurator di muzium negeri. Oleh itu, projek PeMaYu juga dapat dijadikan sandaran sebagai pengalaman yang diperoleh semasa memohon jawatan tersebut.

PELAKSANAAN PeMaYu

Pelaksanaan PeMaYu terbahagi kepada beberapa fasa seperti berikut:

Fasa 1: Penjelasan Projek PeMaYu

Fasa ini melibatkan pertemuan bersemuka dan temu bual antara pensyarah bersama-sama dengan

mahasiswa. Pensyarah akan menerangkan projek PeMaYu yang merangkumi kandungan, pelaksanaan dan impak yang akan diperoleh. Seramai 100 orang mahasiswa (Sebagai contoh, sampel kajian mahasiswa Universiti Putra Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia) yang mengikuti program Sains Sosial dengan latar belakang pelbagai disiplin seperti bahasa, sastera, budaya dan sains kemasyarakatan akan dipilih. Sepuluh kumpulan utama akan dibentuk dan setiap kumpulan terdiri daripada sepuluh orang mahasiswa. Mahasiswa yang dipilih adalah daripada tahun kedua dan ketiga pengajian. Kebenaran akan diperoleh terlebih dahulu daripada mahasiswa yang berminat menyertai projek PeMaYu. Lokasi pelaksanaan termasuk di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, Muzium Negara, Kuala Lumpur dan Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur. Setiap dua kumpulan akan dijadualkan untuk pergi ke institusi yang ditetapkan. Fasa 1 yang dirangka akan melengkapkan mahasiswa dengan pemahaman tentang tujuan, manfaat, dan proses PeMaYu. Minat untuk terlibat secara aktif akan dipupuk dan menyuntik semangat untuk menyumbang kepada pemeliharaan warisan negara.

Fasa ini bertujuan untuk mengukuhkan pemahaman mahasiswa terhadap PeMaYu dan melahirkan minat untuk terlibat secara aktif selain menyediakan pengetahuan asas bagi kelancaran fasa-fasa seterusnya. Matlamat ini dapat dicapai melalui pelaksanaan beberapa aktiviti iaitu:

1. sesi taklimat diadakan dengan paparan visual manuskrip Melayu yang meliputi pelbagai bentuk tulisan, ilustrasi dan keunikan bahan. Mahasiswa akan disajikan dengan perbandingan sebelum dan selepas pemuliharaan, pemaparan impak transformatif kerja-kerja pemuliharaan serta contoh-contoh konkrit cabaran yang akan dihadapi. Sesi ini akan turut dijelaskan fungsi manuskrip sebagai khazanah negara yang berharga.
 - a. sesi soal jawab interaktif akan diwujudkan sebagai ruang kepada mahasiswa untuk menyuarakan segala persoalan dalam format terbuka yang menggalakkan sumbang saran atau melalui penggunaan alat *polling* digital, mahasiswa akan berpeluang untuk bersoal jawab tentang sumbangan projek kepada kemahiran diri, cabaran yang mungkin dihadapi serta cara pelaksanaan

atau kaedah yang dapat memberikan impak positif kepada mahasiswa melalui projek ini. Dalam sesi ini, bimbingan dan sokongan akan diberikan bagi memastikan mahasiswa berasa yakin untuk melibatkan diri.

- b. sesi temu bual menerusi dalam talian daripada mahasiswa terdahulu yang terlibat dengan projek komuniti berkaitan kajian manuskrip akan diadakan agar menjadi sumber inspirasi dan motivasi untuk mahasiswa merebut peluang yang ditawarkan oleh PeMaYu.

Fasa 2: Transformasi Pembelajaran Melalui Adaptasi Model Kolb

Fasa ini menerapkan adaptasi Model Kolb terhadap mahasiswa agar mengalami kitaran pembelajaran yang komprehensif, merangkumi pengalaman konkrit, pemerhatian reflektif, konseptual abstrak, dan eksperimen aktif. Matlamat ini dicapai dengan menggunakan beberapa pendekatan, iaitu: temu bual bersama pakar dalam bidang pemuliharaan, pemerhatian terhadap amalan terbaik dalam pemuliharaan manuskrip dan demonstrasi teknik-teknik pemuliharaan. Bantuan kepakaran daripada pegawai pemuliharaan manuskrip Melayu dari institusi yang terlibat akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi memastikan kelancaran pelaksanaan setiap fasa.

1. Fasa pelaksanaan

Pelaksanaan projek ini tertumpu kepada mengadaptasi elemen-elemen utama Model Kolb bagi memastikan mahasiswa melalui pengalaman pembelajaran yang bermakna. Pelaksanaan fasa ini hanya akan dimulakan setelah memperoleh kebenaran bertulis daripada pegawai yang terlibat secara langsung dalam pemuliharaan manuskrip Melayu.

a. Fasa pengalaman konkrit

Pada fasa pengalaman konkrit, mahasiswa akan mengunjungi perpustakaan, arkib, atau muzium yang menyimpan koleksi manuskrip Melayu. Lawatan ini memberi peluang kepada mahasiswa untuk berinteraksi secara langsung dengan manuskrip, meneliti bentuk fizikal yang berbeza-beza dan mencatat pengalaman awal mereka. Selain itu, mahasiswa turut

berpeluang berbincang bersama-sama kurator dan pustakawan untuk bersoal jawab berkenaan sejarah manuskrip, teknik pemuliharaan yang digunakan dan cabaran yang dihadapi dalam memelihara bahan tersebut.

Selepas melakukan lawatan, mahasiswa akan mengikuti latihan singkat berkaitan pengenalan kepada teknik asas dalam pemuliharaan. Mahasiswa digalakkan untuk terlibat secara langsung dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan deria penglihatan dan sentuhan. Pada peringkat ini, mahasiswa akan melakukan dan merasai pengalaman pemuliharaan manuskrip Melayu pada tahap asas. Tumpuan utama adalah untuk melazimkan mahasiswa dengan bahan, peralatan, dan proses yang terlibat tanpa menekankan pemahaman terhadap aktiviti yang dinyatakan. Dengan bimbingan pihak bahagian pemuliharaan di institusi seperti Perpustakaan Negara Malaysia yang berfungsi sebagai pusat utama pemuliharaan manuskrip Melayu, mahasiswa akan dikenalkan dengan teknik utama yang lazim digunakan. Dua teknik utama yang akan diperkenalkan dalam proses pemuliharaan manuskrip Melayu iaitu teknik

pembaikan tisu. Teknik ini melibatkan penggunaan kertas khas, sama ada *Japanese Kozo Tisu* atau *Machine Made Roll Tissues* bagi membaiki manuskrip Melayu yang mengalami kerosakan fizikal seperti keadaan kertas yang reput dan rapuh serta masalah dakwat kembang pada tulisan. Selain itu, terdapat juga teknik pembaikan *Leafcasting* yang menggunakan kertas *Bodlien Hand Made* yang diproses menjadi serat halus untuk menutupi lubang-lubang pada bahan manuskrip yang kertasnya masih kuat dan tulisan dakwatnya tidak mudah kembang atau luntur (Perpustakaan Negara Malaysia 2019) .

Tujuan fasa ini dirancang khusus untuk menanamkan rasa ingin tahu dan minat terhadap manuskrip Melayu sebagai warisan negara selain mewujudkan rasa penghargaan terhadap usaha pemuliharaan serta kesedaran terhadap cabaran dalam menjaga warisan untuk generasi muda di samping meletakkan dasar yang kukuh bagi pemahaman tentang prinsip-prinsip pemuliharaan yang akan diterokai dalam fasa-fasa seterusnya. Fasa ini berfungsi sebagai pengenalan dan persediaan awal untuk meletakkan asas yang kukuh sebelum mahasiswa meneruskan ke fasa pembelajaran yang lebih kompleks.



GAMBAR 2: Pembaikan tisu dengan sapuan *Carboxymethyl Cellulose Adhesive*
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia (2019)



GAMBAR 3: Mesin Leafcasting
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia (2019)

b. Fasa pemerhatian refleksi

Mahasiswa akan menjalankan pemerhatian aktif terhadap aktiviti pemuliharaan manuskrip Melayu yang dialami dan menggunakan keupayaan untuk mencari jawapan dan membuat pertimbangan berdasarkan pengalaman tersebut. Mahasiswa digalakkan untuk mengemukakan soalan seperti “apakah”, “mengapakah” dan “bagaimanakah” bagi setiap aktiviti yang dijalankan agar dapat merangsang pemikiran. Mahasiswa akan berkongsi pengalaman, meneliti aspek yang menarik perhatian, mengenal pasti cabaran dan menganalisis kesan teknik pemuliharaan yang berbeza terhadap bahan manuskrip dalam sesi refleksi berkumpulan. Selain itu, mahasiswa akan menjalankan analisis perbandingan terhadap teknik-teknik seperti pembaikan tisu dan *Leafcasting* serta membandingkan kekuatan dan kelemahan setiap teknik. Sebagai kesinambungan, setiap mahasiswa akan merekodkan pengalaman, perasaan dan kefahaman mereka dalam penulisan yang dipanggil sebagai refleksi peribadi

bagi membolehkan pemprosesan maklumat berlangsung dengan kreatif dan kritis.

c. Fasa konseptual abstrak

Mahasiswa akan mula membentuk abstraksi dan membangunkan konsep atau prosedur berkaitan pemuliharaan manuskrip Melayu. Melalui proses pemikiran induktif, mahasiswa akan merumuskan konsep berdasarkan kepada pelbagai aktiviti yang telah dialami. Fasa ini menggalakkan mahasiswa mensintesiskan pengalaman mereka dan membentuk pemahaman yang koheren tentang prinsip-prinsip asas pemuliharaan. Bagi mengukuhkan pemahaman, mahasiswa menjalankan penyelidikan secara berkumpulan mengenai topik khusus yang berkaitan dengan pemuliharaan manuskrip Melayu seperti jenis dakwat yang digunakan, ciri-ciri kertas tradisional atau teknik penjilidan. Hasil penyelidikan ini kemudiannya dibentangkan kepada rakan sekelas untuk berkongsi pengalaman serta membuka ruang kritikan untuk pembaikan.



GAMBAR 4: Teknik jahitan jilid
Sumber: Perpustakaan Negara Malaysia (2019)

d. Fasa eksperimen aktif

Fasa ini menyediakan platform kepada mahasiswa untuk mengaplikasikan pengetahuan teori yang diperolehi dalam persekitaran yang praktikal. Melalui simulasi teknik pemuliharaan yang dijalankan pada bahan tiruan, mahasiswa berpeluang mempraktikkan kemahiran yang dipelajari.

Selanjutnya, di bawah bimbingan pakar, mahasiswa akan terlibat secara langsung dalam projek pemuliharaan, latihan untuk memulihkan sebahagian kecil manuskrip sebenar. Fasa ini juga menggalakkan penerokaan dan inovasi serta memberi ruang kepada mahasiswa untuk mencari kaedah baharu bagi menambah baik teknik pemuliharaan yang sedia ada atau mencipta

kaedah yang berinovatif. Dengan jalinan aktiviti yang saling melengkapi ini, fasa ini adalah memastikan bahawa mahasiswa melalui kitaran pembelajaran Kolb yang lengkap dan seterusnya membolehkan mahasiswa, bukan sahaja memahami teori dan teknik pemuliharaan, malahan dapat mengembangkan kemahiran praktikal, pemikiran secara kritis dan mewujudkan semangat mencintai dan menghargai terhadap manuskrip Melayu.

2. Fasa penilaian

Penilaian dalam fasa ini merangkumkan kitaran Kolb dan akan dilaksanakan secara berkumpulan yang berfokuskan kepada penilaian hasil akhir serta proses yang dilalui oleh para mahasiswa sepanjang *Fasa 2: Transformasi Pembelajaran Melalui Adaptasi Model Kolb*. Justeru, penilaian tidak hanya terhad kepada hasil akhir tetapi juga merangkumi penilaian yang komprehensif terhadap keupayaan mahasiswa dalam mengurus dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam projek PeMaYu. Penilaian adalah berkaitan dengan kitaran kolb:

- a. Pengalaman konkrit: *Sejauh manakah mahasiswa berjaya menyerap dan mengaplikasikan pengalaman yang diperoleh semasa lawatan ke institusi pemuliharaan. Contohnya, keupayaan mereka untuk mengenal pasti pelbagai teknik pemuliharaan yang digunakan.*
- b. Pemerhatian reflektif: *Catatan atau laporan refleksi akan dinilai untuk mengukur pemahaman mahasiswa terhadap prinsip pemuliharaan serta keupayaan mereka untuk menganalisis dan belajar daripada pengalaman. Keupayaan mereka untuk mengemukakan soalan yang relevan dan merumuskan pandangan peribadi juga akan dinilai berdasarkan maklum balas pegawai pembimbing.*
- c. Konseptual abstrak: *Penilaian akan mengambil kira keupayaan mahasiswa untuk memahami teori yang mendasari amalan pemuliharaan serta keupayaan mereka untuk menghubungkan teori tersebut dengan pengalaman praktikal yang diperoleh. Penyertaan aktif dalam perbincangan dan pembentangan kumpulan juga akan dinilai.*

- d. Eksperimen aktif: *Penilaian akan berfokuskan kepada keupayaan mahasiswa untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dalam menyelesaikan masalah praktikal yang timbul semasa projek berlangsung. Keupayaan mereka untuk berinovasi, mencipta penyelesaian baharu dan menyesuaikan diri dengan cabaran luar jangka juga akan dinilai.*

Fasa 3: Penilaian Keberkesanan PeMaYu

Fasa ini bermatlamat untuk menilai keberkesanan projek PeMaYu sebagai wahana Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (PBP) yang transformatif kepada mahasiswa. Bagi mencapai matlamat ini, pendekatan kualitatif dan kuantitatif akan digabungkan untuk memastikan pengumpulan dan analisis data yang komprehensif dan membolehkan pemahaman tentang perspektif, pengalaman, serta impak projek terhadap mahasiswa. Bagi mencapai tujuan penilaian yang holistik ini, antara instrumen yang akan digunakan termasuk:

1. Soal selidik akan dibangunkan sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Bagi memudahkan capaian dan pengumpulan data secara digital, platform *Google Forms* akan dimanfaatkan sepenuhnya. Reka bentuk soalan akan bersifat fleksibel namun tetap berfokus kepada aspek-aspek utama yang mencerminkan keberkesanan PeMaYu sebagai wahana PBP. Soalan-soalan tersebut akan menyentuh perkara-perkara berikut:
 - a. Peningkatan kemahiran (teknikal, pemikiran kritis, penyelesaian masalah).
 - b. Perkembangan pemahaman tentang pemuliharaan manuskrip Melayu.
 - c. Peningkatan motivasi dan minat dalam bidang pemuliharaan.
 - d. Persediaan kerjaya dan pembangunan profesional.
 - e. Pengalaman keseluruhan dalam projek PeMaYu.

Selain itu, skala Likert lima mata akan digunakan untuk mengukur tahap persetujuan mahasiswa terhadap pernyataan yang diberikan dengan skala yang ditetapkan seperti berikut:

- a. Sangat Tidak Setuju (1)
- b. Tidak Setuju (2)
- c. Tidak Pasti (3)

- d. Setuju (4)
 - e. Sangat Setuju (5)
2. Analisis dokumen iaitu data yang terdiri daripada laporan mahasiswa, laporan refleksi projek dan pelbagai bahan lain yang dihasilkan sepanjang projek akan dianalisis. Analisis ini bermatlamat untuk melengkapkan data yang diperoleh melalui soal selidik dan seterusnya memberikan pemahaman yang lebih holistik tentang pengalaman mahasiswa dalam projek PeMaYu.
3. Analisis data

Data yang terkumpul akan dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif iaitu:

a. Data kuantitatif

Data yang diperoleh daripada soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai, dan frekuensi. Analisis ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai pandangan mahasiswa terhadap pelbagai aspek projek PeMaYu. Selain itu, analisis inferensi akan dijalankan menggunakan Analisis Varians (ANOVA) dan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) sebagai instrumen kajian. Kaedah ini akan digunakan untuk menguji hipotesis kajian dan mengenal pasti hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah yang dikaji.

b. Data kualitatif

Data kualitatif yang diperoleh daripada analisis dokumen akan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Pendekatan ini akan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang timbul daripada data serta bentuk berulang yang mencerminkan pengalaman dan perspektif mahasiswa. Bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan hasil kajian, data kualitatif dan kuantitatif akan ditriangulasikan. Proses ini melibatkan perbandingan dan pengesahan hasil yang diperoleh daripada kaedah yang berbeza bagi memastikan bahawa interpretasi

yang dilakukan adalah berasas dan boleh dipercayai.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek PeMaYu adalah dirancang melalui tiga fasa utama yang saling berkaitan antara satu sama lain yang secara langsung mencerminkan kitaran pembelajaran berasaskan pengalaman Kolb. Fasa penjelasan projek adalah bertujuan untuk memupuk minat dan memberikan pemahaman berkaitan projek yang akan dilaksanakan. Fasa transformasi pembelajaran adalah fasa untuk menyokong kemahiran dan refleksi melalui pengalaman terarah, dan fasa penilaian keberkesanan secara holistik adalah untuk mengukur impak projek. Reka bentuk projek yang fleksibel membolehkan penyesuaian situasi mengikut keperluan dan menyerlahkan impak keseluruhannya bagi mengukuhkan mahasiswa dengan kemahiran pengalaman yang berharga dan menggalakkan kecintaan terhadap kepelbagaian warisan negara dan berpotensi sebagai suri teladan kepada generasi seterusnya.

KESIMPULAN

Projek Pemuliharaan Manuskrip Melayu (PeMaYu) berdasarkan Model Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb yang dibincangkan adalah untuk meningkatkan kemahiran teknikal, pemikiran kritis, dan kebolehan menyelesaikan masalah dalam kalangan mahasiswa. Projek ini juga diketengahkan adalah untuk meningkatkan pengetahuan mahasiswa mengenai manuskrip Melayu sebagai khazanah keintelektualan negara. Terdapat 3 fasa utama yang distrukturkan berdasarkan kitaran pembelajaran Kolb iaitu: pertama, fasa penjelasan projek, kedua, fasa transformasi pembelajaran yang menggunakan kitaran Kolb dan ketiga ialah fasa penilaian keberkesanan yang digunakan untuk menilai impak projek secara holistik.

Projek PeMaYu memberikan impak ketara terhadap mahasiswa melalui beberapa aspek iaitu meningkatkan kemahiran teknikal seperti pembaikan tisu dan *leafcasting* yang melatih mahasiswa berfikir secara kritis dalam menganalisis cabaran pemuliharaan dan seterusnya meningkatkan keupayaan untuk menyelesaikan masalah. Di samping itu, mahasiswa turut mendalami pengetahuan tentang pemuliharaan manuskrip Melayu melalui lawatan, interaksi bersama pakar dan latihan amali yang dapat memupuk minat dan motivasi untuk meneruskan kerjaya atau kajian

lanjutan dalam bidang ini. Pengalaman ini juga membina portfolio yang penting untuk persediaan kerjaya dan membolehkan mahasiswa mengenal pasti kelemahan dan kekuatan diri melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Selain itu, projek ini dapat menyumbangkan dalam melahirkan generasi pelapis yang berpengetahuan, berkemahiran, dan dedikasi dalam bidang pemuliharaan manuskrip Melayu serta berupaya untuk menyumbang secara aktif dalam usaha memelihara dan mempromosikan khazanah intelektual negara di samping meningkatkan apresiasi mahasiswa terhadap nilai-nilai yang terkandung dalam manuskrip Melayu. Dengan berfokuskan kepada perkembangan kognitif dan praktikal, PeMaYu berpotensi menjadi contoh bagi projek-projek lain dalam bidang kemanusiaan, warisan, dan budaya. Di samping itu, PeMaYu juga berpotensi menghasilkan kaedah pemuliharaan yang inovatif melalui penekanan kepada eksperimen dan refleksi kritis serta mewujudkan hubungan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam pelbagai bidang bagi meningkatkan akses kepada manuskrip Melayu untuk penyelidikan dan pendidikan. Dengan kata lain, PeMaYu bukan sahaja melestarikan warisan negara malah memacu kreativiti dan inovasi dalam bidang pemuliharaan.

RUJUKAN

- Agudelo, J.F. & Vasco, A.M.M. 2019. Project-based learning as a catalyst for students and teacher autonomy development: the experience in a state school in Nilo, Cundinamarca. *GIST – Education and Learning Research Journal* 19: 31-48.
- Almulla, M.A. 2020. The effectiveness of the project-based learning (PBL) approach as a way to engage students in learning. *SAGE Open* 10(3): 1-15.
- Alwi, N.M., Isa, K.M., Abidin, N.H.Z., Yussof, S.H. & Bakar, I.S.A. 2020. Graduate employability among low academic achievers. *New Educational Review* 62: 46–56.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. 2014. *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah* Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Dewey, J. 1938. *Experience and Education*. New York: Macmillan Company.
- Elfis Suanto, Effandi Zakaria & Siti Mistima Maat. 2019. Impak pendekatan pembelajaran pengalaman terhadap kemahiran berfikir aras tinggi topik bongkah geometri tiga dimensi. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 44 (1): 121-134.
- Hoover, J.D. 1974. Experiential learning: Conceptualization and definition. Simulations, games and experiential learning techniques. *The Association for Business Simulation and Experiential Learning (ABSEL)* 1: 31-35.
- Hussain Othman, Berhannudin Mohd Salleh, Syed Muhammad Dawilah al-Edrus & Abdullah Sulaiman. 2018. Pelaksanaan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (PBL dan POPBL) bagi meningkatkan kemahiran insaniah pelajar. Dalam Dora M.T. (Pnyt.) *Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial*. hlm. 107-118.
- Jimerson, R.C. 2002. The nature of archives and manuscripts. *OCLC Systems & Services* 18 (1): 21-23.
- Johnson, J.L., Khan, A. & Saeed, K. 2020. Learning styles inventory and experiential learning theories an integrative review of literature. *Pakistan Journal of Society, Education and Language* 6(1): 1–12.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan pembangunan pendidikan malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga lepas menengah). <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/1818-pelan-pembangunan-pendidikan-2013-2025/file> [9 April 2025].
- Kolb, D.A. 1984. *Experiential Learning As A Source Of Development*. Prentice Hall.
- Kumar, S. & Bhandarker, A. 2019. Experiential Learning and its Efficacy in Management Education. *PURUSHARTHA-A Journal of Management, Ethics and Spirituality* 13(1): 35-55.
- Mashitah Sulaiman Mohd Nazir Ahmad, Suhailiza Md Hamdani & Muhammad Khairi Mahyuddin. 2021. Manuskrip Melayu Islam sebagai warisan kearifan tempatan: isu dan prospek masa depan. Dalam Mohd Faridh Hafez Mhd Omar Ishaq Ibrahim Ahmad Bani Melhem Ali Nasser Ali Al-Tahitah Abdul Rahim Zumrah (Pnyt.), *E-Proceedings Of The International Conference On Da'wah And Islamic Management (IC-DAIM 2021)*, hlmn. 1-37.
- Md Fauzi Ahmad & Abdul Talib Bon. 2024. Graduan perlu lebih kompetitif hadapi cabaran alam pekerjaan. <https://news.uthm.edu.my/ms/2024/01/graduan-perlu-lebih-kompetitif-hadapi-cabaran-alam-pekerjaan/> [3 Mei 2025].
- Misni, M., Ahamed, A., A/P Jangir Singh, G., Ja'afar, Z. & Abdul Shukor, S. 2022. Kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah berdasarkan pengalaman dalam kalangan guru sekolah rendah: Suatu eksplorasi. *Jurnal Penyelidikan TEKNOKRAT II* 23(1): 1-15.
- Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli. 2020. Keberkesanan media massa dan media sosial kepada masyarakat dalam menyelesaikan isu penjagaan warisan negara. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 4(1): 1-14.
- Nor Khayati Basir, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Razak. 2017. Sikap dalam pendekatan pembelajaran berasaskan projek terhadap pencapaian pelajar politeknik di Negeri Perak. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1): 1–14.
- Nur Sheilla Saida Abdullah & Zuber Abd Majid. 2022. Kebolehpasaran Modal Insan Lepasn Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia: Isu dan Strategi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(8): 1-10.
- Perpustakaan Negara Malaysia. 2014. *Dasar Manuskrip Melayu Perpustakaan Negara Malaysia*. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/UploadFile/Akta,%20Dasar%20dan%20Peraturan/DasarPemuliharaan.pdf> [10 April 2025].
- Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu. (2024). Koleksi Manuskrip Melayu. <https://www.facebook.com/photo/?fbid=1151465839574712&set=a.757046189016681> [10 April 2025].

- Sabariah A.S. & Imilia. I. 2013. Cabaran pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip tempatan di Sarawak. *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians* 7: 1-12.
- Tun Mohammed Haniff Omar. 2018. Malaysia perlu ramai pakar filologi. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/01/379452/malaysia-perlu-ramai-pakar-filologi>. [8 Mei 2025].
- Salmah Jan Noor Muhammad
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
E-mel: salmahjan@upm.edu.my
- Wetzel, E.M. & Farrow, C.B. 2021. An active learning classroom in construction management education: Student perceptions of engagement and learning. *International Journal of Construction Education and Research* 17(4): 299-317.
- Wifqi Rahmi. 2024. Analytical study of experiential learning: Experiential learning theory in learning activities. *EDUKASIA: Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran* 5(2): 115-126.
- Zuber, M. & Hussin Muhammad. 2015. Kebolehpasaran dan pengangguran graduan lepasan institusi pengajian tinggi. *International Conference on Global Education III "Human Resources Development Towards Global Economy"*: 351-363.